

23 FEB 2003

NAM-Rangkuman/I

SERUAN DR M PADA MAJLIS PERNIAGAAN NAM DISAMBUT BAIK

Oleh: Neville D'Cruz

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Disebalik kebimbangan serius di peringkat antarabangsa mengenai ancaman perang di Iraq, krisis nuklear di Korea Utara dan konflik Israel-Palestin yang semakin memuncak, aspirasi ekonomi di kalangan negara-negara membangun, menjadi tumpuan pada persidangan ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) hari ini.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat membaca hasrat pemimpin-pemimpin NAM sehingga mencadangkan majlis perniagaan dimasukkan ke dalam agenda NAM.

Majlis itu, katanya, akan memanfaatkan sumber-sumber ekonomi dan meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan di antara 114 anggota NAM yang akan bertambah kepada 116 pada sidang kemuncak kali ini.

Dalam perkembangan lain pada sidang kemuncak hari ini, diumumkan bahawa Deklarasi Kuala Lumpur sudah siap dan akan dibentangkan pada sidang kemuncak ketua-ketua negara dan kerajaan NAM esok.

Mengenai isu Palestin, para pemimpin berkenaan pasti akan mencadangkan tindakan diambil terhadap kekejaman tentera Israel di Palestin dan bahawa Israel perlu dihadapkan ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa bagi pertuduhan jenayah perang.

Berucap kepada kira-kira 1,000 perwakilan pada Forum Perniagaan NAM, inisiatif Malaysia, Dr Mahathir berpendapat kerjasama Selatan-Selatan terutamanya adalah amat penting berlatarbelakangkan senario kelembapan ekonomi global serta kebimbangan mengenai keganasan yang tidak baik untuk perniagaan dan hanya menaikkan kos dalam menjalankan perniagaan.

Satu majlis perniagaan akan meningkatkan momentum bagi kerjasama ekonomi Selatan-Selatan yang bertujuan mengkayakan negara-negara Dunia Ketiga yang miskin. Ia juga akan membuka pelbagai peluang bagi sektor swasta untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara Selatan.

Banyak negara-negara yang memiliki sumber-sumber yang mendapat permintaan tinggi yang boleh ditukar menjadi kekayaan demi kebaikan manusia.

Dr Mahathir, pengerusi NAM akan datang, memberitahu forum itu di Hotel Sunway Lagoon Resort di Petaling Jaya bahawa NAM perlu merapatkan barisan untuk dijadikan perisai daripada didominasi dunia yang dikawal beberapa negara.

Beliau berkata adalah penting untuk menangani isu berkenaan dalam dunia unipolar di mana budaya dan tradisi negara-negara membangun diabaikan.

Forum Perniagaan dua hari itu akan turut membincangkan kaedah menjalin usahasama di antara negara-negara Selatan.

Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee menyokong seruan Dr Mahathir supaya ditingkatkan kerjasama ekonomi apabila berkata pembaharuan sektor kewangan antarabangsa diperlukan bagi pertumbuhan.

Beliau berkata umum mengetahui bahawa aliran modal yang tidak stabil menjejaskan ekonomi negara-negara membangun.

Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri menggesa negara-negara membangun supaya berusaha secara kolektif mengubah kekayaan sumber asli yang mereka miliki kepada aktiviti ekonomi yang konkrit bagi dunia yang saksama.

Beliau menggesa masyarakat perniagaan NAM supaya bekerjasama mengurus, mengeluarkan dan memasarkan sumber asli yang dimiliki sesetengah negara anggota.

Perdana Menteri Thailand Dr Thaksin Shinawatra yang menyifatkan forum

itu sebagai wadah pertukaran idea yang hebat, mengharapkan NAM memupuk peluang perniagaan dengan mencontohi Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik dan Dialog Kerjasama Asia.

"Jika kita boleh melakukannya di Asia, marilah kita memupuk kerjasama serupa menerusi NAM," katanya.

Mengenai Deklarasi Kuala Lumpur, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata ia telah siap untuk dibentang dan diterima pada Sidang Kemuncak NAM ke-13 esok.

Katanya, draf akhir deklarasi itu telah dipersetujui dalam mesyuarat peringkat menteri berhubung isi kandungan deklarasi itu hari ini.

"Saya telah jelaskan isi kandungan Deklarasi Kuala Lumpur kepada mereka dan ia diterima. Deklarasi itu akan dibentangkan secara mutlak esok dan kita harap tiada perbahasan dan kontroversi misalnya berhubung isu sekretariat tetap," katanya.

Pencapaian ekonomi dan politik Malaysia dikagumi ramai dan beberapa negara anggota NAM menyatakan hasrat untuk mencontohinya.

Menteri Luar Eritrea Ali Said Abdella semasa berjumpa Syed Hamid, meminta bantuan kepakaran Malaysia membangunkan sektor pertanian, perikanan, pelancongan dan carigali minyak.

Uganda pula ingin mendapatkan nasihat dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan, kata Timbalan Perdana Menteri ketiga Uganda James Wapakabulo.

Menteri Luar Nepal Narenda Bikram Shah mengucapkan terima kasih kepada Malaysia kerana membenarkan kira-kira 100,000 rakyat negara itu bekerja di sini. Negara pergunungan Himalaya itu juga mengumumkan rancangan menaikkan taraf pejabat konsul kehormatannya di Kuala Lumpur kepada pejabat kuasausaha.

Beberapa pemimpin mengunjungi Dr Mahathir bagi perbincangan dua hala hari ini, antaranya Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Perdana Menteri Nepal Lokendra Bahadur Chand, Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri, Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee, Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo dan Perdana Menteri Papua New Guinea Sir Michael T. Somare.

-- BERNAMA  
NDC MFJ MOZ